

## CABARAN PERLAKSANAAN PAN-ISLAMISME DALAMERA SULTAN ABDUL HAMID II

**Hanin Najihah Mohayan\***

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,  
Perak, Malaysia

**Nur Ainul Basyirah Alias**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,  
Perak, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: haninjiha@gmail.com

### **Article history:**

Received : 20 Oktober 2023

Accepted : 13 November 2023

Published : 22 Disember 2023

### **ABSTRAK**

Pada era pemerintahan Sultan Abdul Hamid II, baginda telah merangka sebuah gerakan iaitu gerakan Pan-Islamisme yang bermatlamatkan penyatuan umat Islam dan sebagai tindak balas terhadap kuasa-kuasa Barat yang berjaya menguasai wilayah-wilayah di Afrika, Asia dan Eropah. Situasi umat Islam pada abad ke-19 Masihi telah mendorong kepada tercetusnya idea kesatuan Islam ini. Rentetan hal itu, baginda sultan menghadapi pelbagai bentuk kekangan serta bantahan daripada pihak-pihak tertentu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan pembentukan Pan-Islamisme serta mengklasifikasikan cabaran dalam dan luaran yang dihadapi oleh baginda dalam melaksanakan gerakan ini. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah manakala kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan serta metode analisis yang digunakan adalah metode tematik dan deduktif. Kajian mengenal pasti bahawa Sultan Abdul Hamid II menghadapi pelbagai cabaran ketika mengusahakan gerakan Pan-Islamisme tersebut. Selain kelemahan Daulah Uthmaniyyah, terdapat segelintir masyarakat Islam yang berada dalam wilayah Daulah Uthmaniyyah dan di luar Uthmaniyyah yang menentang idea ini sehingga menyebabkan gerakan ini sukar dilaksanakan. Kesimpulannya, keberhasilan gerakan Pan-Islamisme ini perlu dianalisis lebih mendalam kerana ia membawa kepada kewujudan pelbagai gerakan umat Islam lainnya di serata dunia sehingga kini.

**Kata Kunci:** Pan-Islamisme; Sultan Abdul Hamid II; Daulah ‘Uthmaniyyah;  
Kesatuan Umat Islam

## **THE CHALLENGE OF IMPLEMENTING PAN-ISLAMISM DURING THE ERA OF SULTAN ABDUL HAMID II**

### **ABSTRACT**

*During the reign of Sultan Abdul Hamid II, his majesty has formulated a movement which is the Pan-Islamism movement which aims to unify Muslims and as a response to the Western powers that have successfully controlled territories in Africa, Asia and Europe. The situation of Muslims in the 19th century AD has led to the emergence of this idea of Islamic unity. As a result of that, his majesty faced various forms of constraints and objections from certain parties. Therefore, this study aims to discuss the formation of Pan-Islamism as well as classify the internal and external challenges faced by his majesty in implementing this movement. This study was conducted using a qualitative method in the form of a historical study while the data collection method used a literature study and the analysis method used was the thematic and deductive method. The study identified that Sultan Abdul Hamid II faced various challenges when working on the Pan-Islamism movement. In addition to the weaknesses of the Ottoman Empire, there are a few Muslim communities within the Ottoman Empire and outside the Ottoman Empire who oppose this idea, making this movement difficult to implement. In conclusion, the success of this pan-Islamism movement needs to be analyzed more deeply because it led to the existence of various other Muslim movements around the world until now.*

**Keywords:** Pan-Islamism; Sultan Abdul Hamid II; The Ottoman Empire; Muslim unity

### **PENDAHULUAN**

Pan-Islamisme merupakan gerakan kesatuan Islam yang wujud dan bergerak secara aktif pada pertengahan kurun ke-19 Masihi. Gerakan ini diketuai dan dikelolai oleh Sultan Abdul Hamid II<sup>8</sup> iaitu Sultan Uthmaniyyah yang ke-34. Matlamat gerakan ini adalah untuk menyatukan orang-orang Islam di seluruh dunia dari sudut pemikiran dan kerohanian yang berlatar belakangkan pelbagai bangsa dan budaya bagi menghalang serangan pihak musuh dari Eropah dan Barat yang ketika itu kebanyakannya menjajah negara-negara umat Islam. Matlamat ini selari dengan syariat Islam yang ditekankan oleh Rasulullah SAW bahawa umat Islam perlu menjadi umat yang bersatu padu.

Polisi utama gerakan ini adalah menekankan bahawa Sultan Abdul Hamid II merupakan ketua kepada seluruh umat Islam di dunia dan Daulah Uthmaniyyah sahaja boleh menyatukan umat Islam di seluruh dunia. Pelbagai tindakan dan pelaksanaan yang direncana oleh Sultan Abdul Hamid II seperti pembinaan dan pengislahan masjid serta pembinaan sekolah-sekolah, pembinaan pengangkutan

---

<sup>8</sup>Sultan Abdul Hamid II. Sultan Abdul Hamid II (1842-1918 Masihi) merupakan sultan Daulah Uthmaniyyah yang ke 34, anak kepada Sultan Abdul Majid I dan isterinya Tirimüjgan Kadinefendi.

landasan kereta api dan lain-lain. Pelbagai pihak memainkan peranan yang besar dalam kesatuan ini termasuk bantuan aliran tasawwuf untuk menyebar kesatuan tersebut dan turut mendapat sokongan daripada golongan ulama, pemikir, sasterawan dan wartawan di seluruh dunia. Satu pertemuan diadakan di Istanbul untuk membincangkan rancangan kesatuan ini. Antara tokoh gerakan di seluruh dunia untuk menggerakkan rancangan ini ialah seperti Khairuddin Basha al-Tunisi, Sheikh Rahmatallah al-Kiranawi al-Hindi, Jamaluddin al-Afghani, Mahdi al-Sanusi, Sheikh Muhammad Abduh, Mustafa Kamil, Sheikh Ahmad al-Fatani dan lain-lain.

Gerakan Pan-Islamisme ini telah mendapat tindak balas yang hebat dari seluruh dunia. Terdapat segelintir umat Islam yang berlatarbelakangkan pelbagai bangsa yang menyokong dan membantu perlaksanaannya. Pelbagai tokoh dan agamawan membantu Sultan Abdul Hamid II menyebarkan kesatuan ini mahupun dari sudut sumbangan harta, penyebaran pemikiran dan doa terhadap khalifah. Namun tindak balas yang hebat juga datang daripada Barat dan Eropah. Mereka menganggap gerakan ini memberi ancaman kepada mereka. Penjajah Barat di negara-negara Islam telah menyekat dan mengharamkan segala gerakan yang membantu rancangan Pan-Islamisme dan menanam pemikiran menentang Sultan Abdul Hamid II dengan menubuhkan gerakan dalam kalangan umat Islam sendiri. Selain serangan dari luar, terdapat serangan dari dalam Uthmaniyyah seperti gerakan perkauman Arab dan Turki yang menentang Sultan Abdul Hamid II dan gerakan persatuan *Ittihad wa taraqqi* yang digerakkan oleh bangsa Turki dan beberapa bangsa yang lain bertujuan untuk menjatuhkan Sultan Abdul Hamid II.

Oleh yang demikian, artikel ini membincangkan tentang biografi Sultan Abdul Hamid II dan pemerintahan baginda terutamanya rancangan Pan-Islamisme. Ini termasuklah huraian dari segi konsep, faktor kemunculan dan pelaksanaan polisi Pan-Islamisme. Artikel juga menyenaraikan cabaran perlaksanaan gerakan dengan mengklasifikasikan cabaran luaran dan dalaman.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah. Manakala, kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Kajian ini memilih sumber penulisan dan perbahasan pemerintahan Daulah Uthmaniyyah, secara khususnya berkaitan biografi dan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dalam gerakan Pan-Islamisme. Ia terdiri daripada penulisan buku, artikel jurnal, tesis, ensiklopedia dan lain-lain yang berkaitan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II.

Metode analisis yang digunakan adalah metode tematik dan deduktif. Oleh yang demikian, bahan-bahan berkenaan akan dikumpulkan dan diklasifikasikan mengikut tema berkenaan fokus kajian ini. Bahan kajian ini akan dikumpulkan mengikut tema kajian iaitu Sultan Abdul Hamid II dan Pan-Islamisme. Manakala, kaedah deduktif bergerak daripada umum (*general*) kepada spesifik (*specific observation*). Kaedah ini digunakan untuk mendapat rumusan terhadap data yang dianalisa.

## BIOGRAFI SULTAN ABDUL HAMID II

Sultan Abdul Hamid II merupakan sultan ke-34 dalam Daulah Uthmaniyyah. Baginda menaiki takhta ketika berusia 34 tahun pada 7hb September 1876M/ 18 Sya'ban 1293H. Tampuk kepimpinan diambil alih oleh baginda selepas abangnya, Sultan Murad V jatuh sakit akibat penyakit mental. *Syeikh al-Islam* telah mengumumkan dalam teks fatwa bahawa jika seseorang imam ditimpa sakit gila secara berterusan, ia boleh diganti oleh imam yang lain (As-Solabi, 2001).

Sultan Abdul Hamid II merupakan anak kepada Sultan Abdul Majid dan isterinya Tir Mizkan Qadin Afandi. Pasangan ini dikurniakan tiga orang anak tetapi anak sulung mereka iaitu Naimah telah meninggal dunia pada tahun 1842M/1257H akibat derita penyakit cacar pada usia 2 setengah tahun. Anak kedua mereka ialah Sultan Abdul Hamid II, manakala anak ketiga mereka bernama putera Muhammad Abid telah meninggal dunia pada usia 2 bulan pada bulan Mei 1848M/ 1265H. Ibu baginda menghidap penyakit tibi atau batuk kering (*tuberculosis*) yang merebak pada ketika itu. Ubat untuk penyakit tersebut belum lagi ditemui dan mengakibatkan ibu baginda telah meninggal dunia pada 1853M ketika baginda berumur 10 tahun. Riwayat mengatakan bahawa ibu Sultan Abdul Hamid II merupakan seorang perempuan yang lembut, pintar dan cantik (Eeman Abbas, 2001).

Dalam kajian as-Solabi (2001), Sultan Abdul Hamid II kemudiannya telah dipelihara oleh isteri kedua bapanya yang bernama Bristu Qadin Afandi. Ibu tiri baginda mendidik beliau dengan baik dan memberi kasih sayang seperti anak kandungnya sendiri. Malah beliau telah mewasiatkan hartanya untuk Sultan Abdul Hamid II. Sultan Abdul Hamid II sungguh terkesan dengan didikan ibu tirinya. Baginda kagum dengan kebaikan, pegangan agamanya yang kuat dan suaranya yang tenang. Didikan ini banyak membentuk peribadi baginda. Manakala, Sultan Abdul Hamid II menerima pendidikan secara formal dalam istana melalui guru-guru yang termasyhur, mahir, berilmu dan berakhhlak yang tinggi pada zaman tersebut. Baginda telah mempelajari Bahasa Arab, Bahasa Sirkasia<sup>9</sup>, Bahasa Parsi, sejarah dan amat meminati sastera. Baginda juga mendalami ilmu Tasawwuf dan mengarang beberapa syair dalam Bahasa Turki Uthmani. Walaupun semasa kecil baginda tidak menjalani proses pembelajaran yang sempurna, baginda amat kuat membaca dan menelaah (Eeman Abbas, 2001).

Semasa Sultan Abdul Hamid II bergelar sebagai putera, baginda telah berkahwin dengan Nazik Ada Qadin. Beliau merupakan seorang hamba sahaya berbangsa Circassan. Melalui perkahwinan itu, isteri baginda diberi gelaran Qadin Afandi (isteri pertama). Beliau memegang gelaran tersebut sehingga meninggal dunia. Sultan Abdul Hamid II mempunyai empat orang isteri dan dikurniakan 17 orang anak; 8 daripadanya anak lelaki dan 9 anak perempuan. Empat orang daripadanya meninggal dunia semasa kanak-kanak kerana diserang pelbagai penyakit. Sultan Abdul Hamid II merupakan seorang yang memiliki sifat tenang dan kuat pegangan agamanya (Spahic, 2021). Seorang ahli sejarah Turki, Ismail Hami Washmand pernah menggambarkan sifat peribadi baginda yang dapat diteladani dalam tulisannya:

<sup>9</sup> Bahasa Sirkasia ialah Bahasa orang-orang kaukas di Rusia.

*“Sultan Abdul Hamid II merupakan teladan dalam kemuliaan dan ketenangan. Saya yakin sejarah akan mengenangnya dengan penuh rasa penghormatan kepadanya”.*

Lord Beaconsfield/ Disraeli mengatakan:

*“Baginda bukanlah seorang yang fasik, zalim atau mengamalkan rasuah. Anak perempuannya Aishah berkata: “Ayahanda adalah seorang muslim yang taat dan memiliki akidah yang lurus. Baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu dan membaca al-Quran. Bahkan, masa mudanya beliau pernah mengikuti amalan Tarikat aliran al-Shadhiliyah”*

(Eeman Abbas, 2001).

Menurut Eeman Abbas (2001) lagi, sifat Sultan Abdul Hamid II sebagai pemimpin termasuklah sebagai seorang yang sangat berjimat cermat dalam membelanjakan harta kerajaan. Baginda telah memotong perbelanjaan istana selepas ditabalkan menjadi sultan. Baginda menggunakan polisi keadilan dan kasih sayang terhadap musuh-musuhnya dan menghargai orang-orang yang mengkritik atau menentangnya. Baginda gembira apabila bekerja dan mendengar dengan tenang seluruh kritikan yang ditujukan kepadanya selain mempunyai daya ingatan yang sangat kuat.

Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II bermula pada zaman kejatuhan Daulah Uthmaniyyah. Baginda melalui era yang penuh tekanan, krisis yang dahsyat dan konspirasi Barat, Eropah serta golongan revolusi terhadap Daulah Uthmaniyyah dari dalam dan luar wilayah Uthmaniyyah. Baginda telah berusaha memulihkan Uthmaniyyah menurut ajaran Islam bagi menghalang campur tangan Eropah dalam hal ehwal Uthmaniyyah. Baginda juga cuba melaksanakan syariat Islam serta cuba mengusir penulis dan wartawan dari ibu kota. Baginda menolak segala bentuk fahaman barat yang bercanggah dengan tamadun Islam di seluruh wilayah Uthmaniyyah. Baginda juga menubuhkan perisikan yang hebat bagi memelihara Uthmaniyyah serta mengumpul maklumat musuh di luar Uthmaniyyah. Akibat campur tangan kuasa Barat dan Eropah dalam dan luar wilayah Uthmaniyyah, baginda telah mewujudkan gerakan Pan-Islamisme bertujuan untuk menyatukan umat Islam seluruh dunia dan mengiktiraf dirinya sebagai ketua kepada semua umat Islam bagi mengekang kemaraan pihak musuh (Al-Solabi, 2001).

Kepimpinan Sultan Abdul Hamid II telah digulingkan pada 27 April 1909M. Golongan revolusi telah memaksa mufti Muhammad Diauddin supaya mengeluarkan fatwa untuk melucutkan jawatan baginda. Ini merupakan rentetan daripada asakan dan pencerobohan penjajah, angkara Yahudi, muslihat Freemason dan pelbagai kelemahan yang menimpa Daulah ‘Uthmaniyyah dan bukanlah berpunca daripada Sultan Abdul Hamid II. Ini disebabkan oleh wilayah Uthmaniyyah yang menjadi rebutan negara-negara Eropah untuk menghancur kesatuan Islam (Al-Solabi, 2001).

## PEMBENTUKAN POLISI PAN-ISLAMISME

### Konsep

Pan-Islamisme dicetuskan untuk menyatukan umat Islam di seluruh dunia berlatarbelakang pelbagai bahasa, bangsa, budaya dan warna kulit. Konsep ini sangat bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Mukmin satu sama lainnya bagaikan bangunan yang sebahagiannya mengukuhkan bahagian lainnya.”*

(Riwayat Bukhari)

Konsep ini adalah untuk menguatkan kedudukan umat Islam dalam membina tamadun Islam yang gemilang. Ia juga sebagai kelangsungan pengaruh dan sistem khilafah Daulah Uthmaniah ke seluruh dunia Islam dan menjadikan Khalifah Uthmaniyyah sebagai ketua kepada seluruh umat Islam (Eeman Abbas, 2001). Menurut Çetinsaya (2009), Pan-Islamisme ialah sebuah idea dan gerakan penyatuan umat Islam yang wujud secara rasmi dan berorganisasi pada akhir abad ke-19 pada pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Idea ini bertujuan untuk menyatukan umat Islam yang berada di dalam dan luar wilayah Uthmaniyyah untuk berada di bawah kepimpinan Uthmaniyyah. Gerakan ini muncul adalah sebagai reaksi terhadap campur tangan kuasa besar Barat dan Eropah ke atas wilayah Daulah Uthmaniyyah serta negara-negara Islam. Istilah Pan-Islamism ini telah digunakan sebagai *Ittihad al-Islam* yang bermaksud kesatuan Islam oleh wartawan Uthmaniyyah pada akhir 1860-an. Istilah tersebut telah dibincang secara meluas dan diperjuangkan dalam akhbar-akhbar Uthmaniyyah pada ketika itu. Seorang pemuda Uthmaniyyah Namik Kemal telah menggunakan istilah tersebut dalam akhbar Basiret. Jika diteliti, Pan-Islamisme ini juga telah diinspirasikan oleh beberapa gerakan di Eropah pada akhir abad ke-19M seperti Pan-Salvism, Pan-Hellenism dan Pan-Germanism (Deringil, 1991).

### Polisi Pan-Islamisme

Terbentuknya secara rasmi idea Pan-Islamisme seiring ideologi dan organisasi adalah selepas Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta Khalifah Uthmaniyyah pada tahun 1876M. Gagasan Pan-Islamisme mempunyai tujuan dalam menyatukan umat Islam dan sebagai reaksi terhadap reformasi dan pro Barat. Kelemahan *Daulah* Uthmaniyyah ketika itu menyebabkan kuasa-kuasa Barat berjaya menguasai wilayah-wilayah di Afrika, Asia dan Eropah. Situasi umat Islam pada abad ke-19 Masihi telah mendorong kepada tercetusnya idea kesatuan Islam ini (Ermy Azziaty Rozali, 2016). Menurut Al-Solabi (2001), Sultan Abdul Hamid II telah menyebut dalam memoir baginda bahawa perlunya usaha menguatkan ikatan persaudaraan Islam di seluruh dunia Islam. Selepas tahun 1300H (1882M), tulisan tentang Pan-Islamisme telah mula tersebar meluas kepada negara-negara Islam. Landau (1990) menjelaskan bahawa polisi asas Pan-Islamisme yang diperkenalkan oleh Sultan Abdul Hamid II ialah menegaskan bahawa baginda merupakan sultan kepada

seluruh umat Islam sama ada dalam dan luar wilayah Uthmaniyyah. Dasar ini untuk memperlihatkan kepimpinan rohani ini mampu membangkitkan kuasa Uthmaniyyah menghadapi kuasa Eropah.

### **Pelaksanaan Polisi Pan-Islamisme**

Menurut al-Solabi (2001), sejurus perlantikan Sultan Abdul Hamid II sebagai Khalifah Uthmaniyyah pada tahun 1876M, baginda dibebani pelbagai permasalahan kerajaan dan pergolakan yang berlaku di dalam dan luar wilayah Uthmaniyyah. Setelah baginda berjaya menstabilkan kedudukannya dan berjaya menyingkir pegawai-pegawai Uthmaniyyah yang terpengaruh dengan pemikiran Eropah dan barat, baginda merencana idea Pan-Islamisme.

Oleh itu, Sultan Abdul Hamid II telah merencana pelbagai tindakan dan pelaksanaan untuk merealisasikan polisi ini. Pelaksanaan tersebut merangkumi aspek pembangunan, pemuliharaan dan pembinaan masjid-masjid. Bahasa Arab telah menjadi bahasa rasmi Uthmaniyyah dan perkara itu merupakan pertama kali berlaku dalam sejarah Uthmaniyyah. Baginda turut menjalankan kempen mengutip dana untuk pembinaan pengangkutan yang boleh menghubungkan seluruh pelusuk wilayah Uthmaniyyah seperti pembinaan kereta api Hijaz untuk memudahkan perjalanan haji dan umrah. Pembinaan sekolah turut dilakukan di ibu kota Uthmaniyyah untuk mendidik dan melatih kanak-kanak dalam wilayah Uthmaniyyah. Baginda turut menggunakan akhbar-akhbar Islam untuk menyebarkan Pan-Islamisme. Idea Pan-Islamisme ini turut disebarluaskan melalui guru tarikat-tarikat Tasawwuf. Sultan Abdul Hamid II turut mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan beberapa ulama’, pendakwah, ilmuwan dan tokoh terkemuka daripada pelbagai negara untuk membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh Uthmaniyyah dan merencana projek Pan-Islamisme (Al-Solabi, 2001).

Bantuan daripada ulama dan tokoh-tokoh terkemuka ini telah mendapat respon yang positif dan meluas di seluruh pelusuk dunia. Antara mereka melaksanakan tanggungjawab penuh amanah dalam bidang tugas yang diberikan oleh Sultan Abdul Hamid II dan terdapat juga yang melakukan tugas secara sukarela demi mempertahankan agama dan negara mereka. Pada tahun 1885M, satu persidangan ulama telah diadakan di Daulah Uthmaniyyah bagi membincangkan isu-isu berkepentingan umat Islam. Antara tokoh terkemuka yang menyertai ialah seperti Khairuddin Basha al-Tunisi, Sheikh Rahmat Allah al-Kiraniyy al-Hindi, Jamaluddin Al-Afghani, Sheikh Ahmad al-Fatani, Muhammad Rashid Rida, Mustafa Kamil dan banyak lagi (Eeman Abbas, 2001).

### **CABARAN PERLAKSANAAN PAN-ISLAMISME**

Melalui kajian ini, cabaran pelaksanaan Pan-Islamisme dibahagikan kepada dua iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran.

## Cabaran Dalaman

Cabaran dalaman ini tertumpu kepada cabaran yang dihadapi oleh Sultan Abdul Hamid II sendiri dalam menghadapi tekanan dan juga tanggapan sebahagian masyarakat Muslim terhadap baginda. Selçuk Akşin Somel (2009) menyatakan bahawa baginda digambarkan dalam sejarah ‘Uthmaniyyah sebagai pemerintah yang kejam dan zalim. Manakala menurut Spahic (2021), baginda juga dilihat sebagai penghalang yang besar kepada orang-orang Barat untuk meluaskan rancangan kolonial mereka di wilayah umat Islam. Baginda juga dilabel sebagai orang yang tidak mahukan kemodenan dan menyekat Daulah ‘Uthmaniyyah untuk maju. Lebih memburukkan keadaan, Yazici dan & Ahmed (2015) menjelaskan gerakan Turki Muda turut menyerang peribadi Sultan Abdul Hamid II serta polisi-polisinya dalam akhbar seperti *Le Yildiz*.

Hal ini ditambah dengan keadaan politik semasa pemerintahan baginda yang berdepan dengan kebangkitan rakyat di sebahagian wilayah ‘Uthmaniyyah yang ingin bebas daripada penguasaan ‘Uthmaniyyah. Spahic (2021) menjelaskan bahawa pertimbangan berkaitan Sultan Abdul Hamid II ini perlu dilihat dengan mengambil kira keadaan dan situasi semasa pemerintahan baginda yang sebenarnya perlu menanggung pelbagai masalah. Malah, persepsi terhadap Sultan Abdul Hamid II mulai berubah pada akhir abad ke-20M apabila telah banyak kajian yang dilakukan berkaitan baginda terutamanya tentang tindakan baginda dalam menghadapi krisis ketika pemerintahannya. Ini dikuatkan lagi dengan peningkatan sentimen Islam di dalam Turki dan juga dunia Islam keseluruhannya (Yazici & Ahmed, 2015).

## Cabaran Luaran

Permulaan idea penyatuan Islam ini bermula pada pemerintahan Sultan Abdul Aziz (1861M–1876M)<sup>10</sup> semasa berlakunya perjanjian *Kucuk Kaynarca* antara Daulah Uthmaniyyah dan Russia pada tahun 1774M. Di dalam klausa perjanjian tersebut mengatakan bahawa Sultan Uthmaniah merupakan ketua kepada seluruh umat Islam. Perjanjian damai ini dilakukan ekoran kekalahan tentera Uthmaniyyah dalam perang Kozludzha. Sultan Abdul Aziz merupakan orang pertama yang memberi respon terhadap kepentingan rancangan kesatuan Islam dan menghidupkan peranan khilafah (Eeman Abbas, 2001).

Sultan Abdul Hamid II dinaikkan takhta ketika kuasa-kuasa Eropah mula menguasai wilayah Uthmaniyyah. Bermula dengan pemberontakan di Balkan pada tahun 1876M/ 1293H. Penduduk di Montenegro dan Serbia bertindak menghasut penduduk Herzegovina supaya keluar daripada penguasaan Uthmaniyyah. Rentetan situasi tersebut Sultan Abdul Hamid II berjaya mematahkan cubaan ini seterusnya kerajaan Russia mengisyitiharkan perang Russo-Turkish (1877-1878M) bagi merebut Daulah Uthmaniyyah. Kerajaan Russia ketika itu mendapat pertolongan daripada

<sup>10</sup> Sultan Abdul Aziz merupakan anak kepada sultan Mahmud II. Dilahirkan pada 8 Februari 1830, di Istanbul dan naik takhta selepas kematian abangnya, Sultan Abdul Majid (1839-1861) pada 25 Jun 1861. Baginda memerintah Daulah Uthmaniyyah dari tahun 1861 sehingga sejurus sebelum kematiannya pada tahun 1876M. Salah seorang daripada 13 anaknya, Abdul Majid, menjadi yang Khalifah Uthmaniyyah terakhir (1922–1924M).

penduduk Romania, Serbia, Montenegro dan Bulgaria untuk membentuk negara Kristian. Peperangan ini berakhir dengan kekalahan Daulah Uthmaniyyah yang akhirnya terbentuk perjanjian damai yang dikenali sebagai *Treaty Of San Stefano*. Daripada perjanjian tersebut wilayah Romania, Serbia, Montenegro dan Bulgaria beroleh kemerdekaan (As-Solabi, 2001).

Rentetan daripada perjanjian tersebut maka terjadinya persidangan Berlin pada 1877M/ 1305H yang dihadiri negara-negara berkuasa besar iaitu England, Perancis, Jerman dan Austria. Menerusi perjanjian ini, mereka membincangkan kaedah untuk mengubahsuai perjanjian *San Stefano* yang dimeterai antara Rusia dan Daulah Uthmaniyyah. Perbincangan tersebut diadakan juga akibat bantahan negara-negara yang terlibat dengan perjanjian tersebut, kerana ia didapati tidak menepati kepentingan strategik mereka. Persidangan tersebut hakikatnya memberi manfaat kepada kuasa-kuasa Eropah dan wilayah-wilayah Uthmaniyyah dibahagi dan mengurangkan kuasa Rusia dan pakatannya. Melalui Persidangan Berlin ini menjadi petunjuk Daulah Uthmaniyyah dipaksa melepaskan sejumlah besar wilayahnya. British dan Perancis telah berjaya menjaga wilayah-wilayah milik Uthmaniyyah. Situasi umat Islam di seluruh dunia ketika itu sangat lemah akibat dijahah oleh kuasa Barat dan Eropah seperti di India, Asia Tengah, Kepulauan Nusantara, Balkan, Afrika dan Mesir (As-Solabi, 2001).

Akibat siri-siri penindasan yang dihadapi oleh Sultan Abdul Hamid II, baginda melihat pentingnya menggunakan kedudukannya sebagai khalifah untuk menghadapi cabaran ini. Oleh kerana itu, Sultan Abdul Hamid II mempromosikan Pan-Islamisme di seluruh negara Islam. Teras utama polisi Pan-Islamisme yang ditekankan oleh baginda ialah menegaskan dan mengutarakan kedudukan beliau sebagai khalifah iaitu ketua kepada semua umat Islam. Usaha-usaha ke arah memanifestasikan polisi tersebut akan mendapat akan mendapat sambutan umat Islam supaya berada bersama beliau (Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty, 2017)

Selain itu, dapat dilihat bahawa Pan-Islamisme yang berpaksikan penyatuan umat Islam telah mendepani cabaran yang hebat apabila ketika itu wilayah umat Islam di bawah Daulah ‘Uthmaniyyah hampir berpecah belah. Lebih-lebih lagi apabila termeterainya Perjanjian Berlin pada tahun 1878M dan menyebabkan wilayah umat Islam di Semenanjung Balkan diserahkan kepada Austria-Hungary manakala sebahagiannya mendapatkan kemerdekaan seperti Serbia, Greece dan Bulgaria (Nicholso, 2005). Di samping itu, cabaran lainnya ialah ketika proses penyatuan kelompok Shia’ dan Sunni. Ini dilakukan melalui tokoh Jamaluddin al-Afghani walaupun ia gagal dilaksanakan atas krisis revolusi orang Armenia yang melanda Daulah ‘Uthmaniyyah. Namun begitu, idea tersebut kemudiannya diteruskan pada awal abad ke-20M dengan usaha Sultan Abdul Hamid II yang berterusan menjalin hubungan dengan ulama dari kedua-dua kelompok (Çetinsaya, 2009; Özcan, 1995).

Terdapat cabaran luaran yang dikenalpasti berlaku dalam perlaksanaan Pan-Islamisme ialah berkaitan dengan pembinaan institusi dan pembangunan infrastruktur yang menjadi agenda penting Sultan Abdul Hamid II. Sebagai contoh, projek pembinaan kereta api Hijaz yang merupakan manifestasi terbesar dalam pelaksanaan polisi Pan-Islamisme. Menurut Zulhelman Roslan (2018), projek tersebut berfungsi dalam memudahkan urusan perjalanan jemaah haji ke Mekah dan

Madinah serta memudahkan misi mempertahankan Daulah ‘Uthmaniyyah dari setiap sempadan daripada diceroboh oleh musuh. Antara cabaran yang dihadapi oleh Daulah ‘Uthmaniyyah ialah dari sudut masalah kekurangan air dan ribut pasir ketika pembinaan, cuaca dan suhu yang melampau di kawasan projek di samping masalah kekurangan sumber bahan bakar. Özyüksel (2014) pula menjelaskan bahawa masalah ini ditambah dengan kekurangan dana pembiayaan kerana Daulah ‘Uthmaniyyah sedang menghadapi krisis kewangan pada ketika itu. Kesemua hal ini menyumbang kepada kelewatan proses penyatuan berlaku.

## KESIMPULAN

Melalui polisi Pan-Islamisme yang dilaksanakan oleh Sultan Abdul Hamid II ini, pelbagai manfaat yang diperolehi oleh umat Islam walaupun ianya berhadapan dengan cabaran dan tentangan. Keputusan baginda Sultan dalam hal ini adalah satu usaha yang sangat baik ketika umat Islam berpecah dan mula dijajah oleh golongan Barat. Jika diteliti dalam sejarah, polisi ini membantu menaikkan semangat dalam kalangan golongan India Muslim selepas tahun 1870M. Mereka menubuhan Gerakan Khilafat India (1919-1924) yang dilihat menerima idea Pan-Islamisme dan menyokong tujuan khalifah Uthmaniyyah menentang kerajaan British. Malah, kesetiaan dan sokongan umat Islam yang berada di Semenanjung Balkan juga tidak berbelah bahagi terhadap pemerintah ‘Uthmaniyyah apabila polisi Pan-Islamisme ini dilaksanakan meskipun mereka bukan lagi berada di bawah naungan Daulah ‘Uthmaniyyah. Walau bagaimanapun, polisi Pan-Islamisme ini telah dimansuhkan pada tahun 1924 seiring dengan kejatuhan khilafah Daulah ‘Uthmaniyyah dan berpecahnya wilayah umat Islam secara menyeluruh.

## RUJUKAN

- Al-Solabi. (2001). *Faktor Kebangkitan & Sebab Kejatuhan Empayar Uthmaniah*. Salehan Ayub (Terj.) Kuala Lumpur :Pustaka Salam.
- Çetinsaya, G. (2009). Pan-Islamism. Dalam Gábor Ágoston & Bruce Masters (Eds.). *The Encyclopedia of The Ottoman Empire* (pp. 453-456). New York : VB Hermitage.
- Deringil, S. (1991). Legitimacy structures in the Ottoman State: The reign of Abdulhamid II (1876-1909). *International Journal of Middle East Studies*, 23 (3), 345-359.
- Eeman Abbas. (2019). *Sultan ‘Abd Al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*. Pustaka Salam.
- Ermy Azziaty Rozali. (2016). *Turki Uthmaniah persepsi dan pengaruh dalam masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Landau, J. M. (1990). *The Politics of Pan-Islam: Ideology and Organization*. Clerendon Press.
- Nicholso, J. (2005). *The Hejaz Railway*. Stacey International.
- Özcan, A. (1995). Jamaladdin Afghani’s honorable confinement in Istanbul and Iran’s demands for his extradition. *The Journal of Ottoman Studies*, 15, 285-291.

- Özyüksel, M. (2014). *The Hejaz railway and the Ottoman Empire: Modernity, Industrialisation and Ottoman Decline*. London: I. B. Tauris & Co. Ltd.
- Selçuk Akşin Somel. (2009). Abdülhamid II. In Gábor Ágoston & Bruce Masters (Eds.). Dalam Gábor Ágoston & Bruce Masters (Eds.). *The Encyclopedia of The Ottoman Empire* (pp. 453-456). New York : VB Hermitage.
- Spahic, O. (2021). Examining the concept of Pan-Islamism. *Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, 5 (2), 21-51.
- Yazici, S. & Ahmed, Y. (2015). Sultan Abdul Hamid II: A case of changing historical perception in Turkey. *Turkish Area Studies Review*, 25, 38-43.
- Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali. (2017). Polisi Pan-Islamisme semasa pemerintahan Sultan ‘Abd al-Hamid II (1876-1909M). *Islamiyyat*, 39 (1), 67-81. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-08>.
- Zulhelman Roslan. (2018). *Manifestasi polisi pan-Islamisme melalui projek kereta Hijaz*. ( Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018).